

**Teman Dapatkan Izin Maik Untuk Dirikan Solat Jumaat Sempena Lawatan PM  
Bernama  
12 April , 2012**

PASIR MAS, 12 April (Bernama) -- Pihak pengurusan Terminal Agrobisnes Negara (Teman) sedang mendapatkan kebenaran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan bagi mewujudkan mukim solat Jumaat sementara di terminal itu sempena lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada 4 Mei ini.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Wilayah Timur, Mohd Ariffin Awang berkata langkah itu bagi memberi peluang orang ramai, khususnya peniaga yang menghadiri majlis tersebut mendirikan solat Jumaat di situ.

"Kita yakin kehadiran orang ramai, termasuk peniaga dan jemputan ke Teman boleh terjejas kerana terpaksa bergegas pulang untuk mendirikan solat Jumaat pada hari itu," katanya kepada pemberita, di sini Khamis.

Ini kerana kata Mohd Ariffin, masjid mukim Tunjung dekat situ mungkin tidak mampu menampung jumlah pengunjung yang dianggar mencecah 50,000 orang.

Najib dijadual merasmikan Teman pada hari itu serta mengisytiharkan nama terminal itu sebagai Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC), bagi menempatkan pelbagai agensi kerajaan bagi kemudahan pengunjung, khasnya masyarakat luar bandar selain dijadikan pasar borong, pasar tani dan runcit.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658727>